

**Sinar Harian : 18 Ogos 2016**

**Penulis ialah Dr. Muhammad Arif B. Mohd Hashim, Yang Dipertua  
Gabungan Profesional dan Usahawan Bumiputera Anak Selangor (GIBS)**

## **KESATUAN PEMIMPIN TERAS KESUCIAN ISLAM**

Kesucian Islam yang menjadi agama rasmi di negara ini telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dibawah Perkara 3 (1) bahawa Islam ialah agama bagi Persekutuan. Bangsa Melayu adalah tonggak yang mempertahankan Islam. Kekuatan ummah dalam kalangan orang Islam adalah keperluan utama, sejagat dan kunci kepada pembentukan jati diri dan kestabilan masyarakat yang berteraskan kesucian Islam. Jangan benarkan pihak-pihak tertentu memperlekeh Islam dan ini perlu dijadikan agenda utama dalam menyemarakkan semangat keharmonian dalam kalangan ummah dan negara.

Tetapi malangnya, umat Islam dan Melayu di negara ini terlalu membuka banyak ruang sehingga pihak lain semakin berani dan berterusan mempersoalkan kesucian Islam dengan harapan nilai utama Islam itu diteliti semula mengikut logik akal mereka dan dibahaskan secara terbuka. Kita lihat, daripada rungutan terbuka terhadap laungan azan, terdengar pula kritikan terhadap isi kandungan khutbah Jumaat dan semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri lalu, ada yang menganggap amalan bersedekah duit raya itu berunsur rasuah. Sampai bilakah pihak-pihak ini terus dibiarkan dan ‘menjentik’ sensitiviti kaum dan penganut agama Islam.

Mengapa mereka perlu pertikai isi kandungan khutbah Jumaat?. Segala yang disampaikan khatib adalah untuk kepentingan umat Islam. Mengajak umat bertakwa, bersatu dan memajukan diri dan ummah dan bukan untuk menafikan hak orang lain. Begitu juga mereka yang menuduh amalan bersedekah duit raya itu berunsur rasuah. Dalam Islam bersedekah itu tanda bersyukur dengan nikmat kurniaan Allah SWT. Ia juga sebagai ikatan mesra diantara sesama ahli keluarga, masyarakat sekitar dan sesama seagama.

Senario yang berlaku sebenarnya telah memberi isyarat yang jelas bahawa umat Islam di negara ini tiada pilihan, melainkan bersatu untuk membina kekuatan. Pihak berkuasa agama yang menjaga yang menguruskan agama Islam di negara ini tidak boleh terus berdiam diri dan golongan agamawan hendaklah terlibat aktif mempertahankan kesucian Islam.

Pemimpin-pemimpin politik Melayu tidak boleh lagi berkompromi semata-mata untuk kelangsungan politik mereka. Pun begitu, perjuangan untuk mengukuhkan kekuatan Islam bukan bermakna untuk memusuhi sesiapa. Jauh sekali untuk bangkit bertelagah dengan mana-mana pihak. Kekuatan ummah ialah untuk menggerunkan pihak-pihak yang berterusan memperlekeh dan menghina Islam.

Kita ambil contoh, sesebuah institusi keluarga yang rukun berpadu akan disegani oleh masyarakat sekitarnya. Orang luar tidak akan berani mengganggu mana-mana ahli dari keluarga yang segani iaitu keluarga yang mempunyai kekuatan kerana bersatu, memiliki kedudukan ekonomi yang stabil dan memelihara martabat dan peradaban.

Begini juga dalam kontek sebuah negara, jika umat Islam di negara ini bersatu dan kuat, pihak-pihak lain tidak berani mempersoal, meremeh atau mencampuri ahl ehwal kesucian.

Kita perlu mengambil pengajaran bahawa ketika pembukaan Palestin oleh Saidina Umar al-Khattab, beliau pernah berikrar untuk memelihara keselamatan para rahib, pendeta serta gereja. Dalam masa yang sama, beliau sesekali tidak pernah tawar menawar dalam perkara yang melibatkan aqidah umat Islam. Justeru itu, kewibawaan serta ketegasan beliau dalam menegakkan syariat Allah yang adalah rahmat kepada sekalian alam telah menaikkan rasa hormat penganut agama lain terhadap agama Islam.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: '*Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh orang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya*' (surah an-Anfal, ayat 60). Kekuatan yang perlu dibina bukan sekadar bersatu padu secara lisan, tetapi mencakupi kekuatan dari segi ekonomi, politik serta nilai-nilai sosial yang luhur.

Semua pemimpin Islam dan pihak yang bertanggungjawab termasuk pemimpin-pemimpin politik Melayu perlu tegas mempertahankan kesucian Islam daripada terus diterjah oleh pihak-pihak yang cuba mengambil kesempatan dan mempersendakan agama Islam. Mereka perlu pertahankan agama Islam ialah agama rasmi negara ini dan statusnya dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan.

Pemimpin negara ini yang diterajui oleh orang Melayu tidak perlu untuk tawar menawar dengan orang bukan Islam dalam perkara yang berkaitan dengan kedaulatan serta memelihara kesucian agama Islam. Mereka perlu tunjukkan ketegasan dalam memelihara syariat Allah serta kekuatan perpaduan sesama umat Islam yang akan membuatkan agama Islam dihormati di negara ini.

Golongan agamawan sebagai kumpulan masyarakat yang mempunyai ilmu agama yang kukuh perlu terlibat aktif memberi kefahaman dan mempertahankan agama Islam. Mereka perlu menekankan konsep tugas-tugas kemasyarakatan atau muamalah seperti menjalin kerjasama dengan semua komuniti tanpa mengira kaum dan agama, mengukuhkan persatuan dan perpaduan sesama Islam dan pelbagai aspek sosial yang lain. Ia sama pentingnya dengan ibadah lain.

Apabila kedudukan Islam dan syariatnya diasak dan dikritik secara terbuka oleh bukan Islam, golongan agamawan perlu bangkit bersuara memberi penjelasan. Mereka tidak boleh lagi berdiam diri kerana ia seolah-olah menggambarkan apa sahaja tindakan dan kenyataan bukan Islam itu betul dan umat Islam berada di pihak yang salah. Justeru itu, dalam suasana tekanan yang berterusan kepada umat Islam kini, sudah sampai masanya golongan agamawan berani bersuara bagi menimbulkan kegeruan dan memberi pemahaman kepada bukan Islam.

Negara kita kini sudah berjaya melahirkan ramai golongan profesional dan usahawan, namun sumbangan mereka untuk memperkuatkan dan pertahankan Islam wajar ditingkatkan. Kematangan dan kecemerlangan kita dalam bidang profesional dan usahawan belum dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Kita mungkin melahirkan ramai daripada kumpulan ini, namun umat Melayu dan Islam masih mengharapkan kebijaksanaan mereka untuk mengukuhkan ummah. Ia adalah amanah yang perlu dilaksanakan demi kesucian Islam di Malaysia.